

Mahathir jelaskan sebab haram Malay Dilemma ditarik balik

UM 15 AUG 1981

JAKARTA 14 Ogos — Penarikan balik pengharaman ke atas buku "The Malay Dilemma" adalah untuk membolehkan rakyat Malaysia memahami pemikiran Perdana Menteri mereka.

Pengarang buku kontroversial itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu para wartawan asing di sini hari ini bahawa tindakan tersebut juga perlu untuk kestabilan politik di Malaysia.

Beliau juga menegaskan kandungan buku karangannya itu sebenarnya tidaklah membahayakan seperti yang disangka.

Perdana Menteri membuat penjelasan ini ketika ditanya tentang penarikan balik pengharaman The Malay Dilemma dalam sidang akhbar di akhir lawatannya ke sini hari ini.

Namun begitu, Perdana Menteri menekankan bahawa tindakan tersebut tidak akan mem-

pengaruhi arah tuju dasar-dasar dalam negeri Malaysia.

Beliau mengulangi bahawa tindakan itu adalah untuk membolehkan rakyat membaca buku Perdana Menteri mereka dengan lebih mendalam lagi.

Jika mereka berpendapat bahawa buku itu baik, dapatlah saya memenangi pilihanraya yang akan datang nanti. Tetapi jika mereka berpendapat sebaliknya, maka saya akan kalah dalam pilihanraya itu.

"Inilah salah satu risiko yang perlu kami hadapi dalam sistem demokrasi yang kami amalkan," katanya.

Datuk Sri Dr.

Mahathir menjelaskan, The Malay Dilemma, hanya menghuraikan asas-asas yang menjadi konflik di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, masalah-masalah yang mereka hadapi dan cara-cara mengatasinya.

"Saya mendapat tahu Kerajaan Tun Razak menggunakan buku itu sebagai asas untuk membentuk semula struktur ekonomi negara," jelas beliau.

Bagaimanapun katanya, penarikan balik pengharaman buku itu tidak dibuat segera kerana ia dikenakan oleh kerajaan Tunku Abdul Rahman yang merupakan seorang negarawan yang dihormati di kalangan rakyat Malaysia.

Tambahnya, pengharaman The Malay Dilemma dibuat berdasarkan apa yang dilayorkan kepada Tunku oleh orang lain, tanpa mempertimbangkan kandungannya.

Perdana Menteri menegaskan Tunku sendiri, telah mengaku bahawa beliau tidak pernah membaca buku tersebut.

